

SULIT

1223/1

NAMA:..... Tingkatan :.....

SULIT

1223/1

Pendidikan Islam

Kertas 1

Ogos

2009

2 jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 11.
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 wajib dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan di halaman 11.
5. Ceraikan kertas jawapan **Bahagian A** dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D.** Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan*

1 Hukuman bagi kesalahan mencuri menurut al-Quran ialah

- A dipotong tangan
- B direjam sampai mati
- C disebat dan dipenjara
- D dipenjara seumur hidup

2 Tanah kelahiran HAMKA di Indonesia ialah di

- A Bali
- B Riau
- C Jakarta
- D Sumatera Barat

3

- Menginsafkan jemaah haji bahawa semua manusia adalah sama di sisi Allah
- Mengingatkan umat Islam terhadap perhimpunan manusia di Padang Mahsyar
- Mengingatkan semula peristiwa tempat pertemuan Nabi Adam a.s dengan Hawa

Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah

- A Saie
- B Tawaf
- C Wukuf
- D Bercukur

- 4

Tempoh larangan berkahwin yang wajib dipatuhi oleh seorang isteri selepas berpisah dengan suami.
--

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A idah
- B talak
- C fasakh
- D khuluk

- 5 Pilih maksud yang paling tepat bagi *amar makruf* dan *nahi mungkar*.

- A Menyeru manusia berbuat baik dan mencegah kemungkaran
- B Menyuruh manusia melakukan amal kebaikan dan kebajikan
- C Mencegah manusia melakukan kemungkaran dan kejahatan
- D Menggalakkan manusia melakukan kejahatan dan maksiat

- 6 Berikut merupakan cara untuk meningkatkan tanggungjawab orang ramai terhadap penggunaan kemudahan awam.

- I mengadakan kempen kesedaran
- II menguatkuasakan undang-undang
- III menerapkan sikap menghargai kemudahan awam
- IV mengenal pasti orang yang telah melakukan kerosakan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 7 Imam al-Ghazali rahimahullah terkenal dengan gelaran

- A ulama fikah
- B ahli falsafah
- C hujjatul Islam
- D periwayat hadis

- 8

Mendidik anak-anak sejak kecil dengan sifat-sifat yang positif seperti berani, sabar, cekal dan tekun

Pernyataan di atas merupakan tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak dari aspek

- A Pendidikan Intelektual
- B Pendidikan Rohani
- C Pendidikan Moral
- D Pendidikan Islam

- 9 Berikut merupakan syarat saham diharuskan dalam Islam **kecuali**
- A bebas daripada unsur-unsur riba
 - B urus niaga saham dalam perkara halal
 - C tidak dipengaruhi unsur-unsur spekulasi
 - D pelaburan mestilah dalam akaun simpanan bank konvensional
- 10 Antara langkah mengelak daripada berlaku *zihar* ialah
- I memahami konsep *zihar* yang sebenar
 - II isteri sentiasa menjaga perlakuan dan bijak mengambil hati suami
 - III suami hendaklah menahan kemarahan supaya tidak tergesa-gesa melakukan *zihar*
 - IV tidak mengikut sifat arab jahiliah apabila marah dan berselisih faham dengan isteri
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 11 Berikut merupakan hikmah bagi orang yang bertaubat **kecuali**
- A diampunkan segala dosanya
 - B memperoleh ketenangan jiwa
 - C mengembalikan hubungan silaturahim
 - D termasuk dalam golongan al-Salafu al-Saleh
- 12 Perbuatan membunuh diri diharamkan oleh Islam kerana
- A mencabul hak Allah SWT
 - B mati secara yang menyakitkan
 - C meruntuhkan ekonomi negara
 - D disisih oleh rakan dan masyarakat
- 13
- Mengelak kemungkinan berlaku penderhakaan daripada pihak isteri
 - Mengelak sifat ego suami yang suka menyalahgunakan kuasa sebagai ketua keluarga
 - Hak isteri untuk melepaskan diri daripada ikatan perkahwinan melalui undang-undang

Pernyataan di atas merupakan hikmah disyariatkan

- A talak
- B rujuk
- C khuluk
- D fasakh

- 14 Apakah tujuan Sayidina Umar al-Khattab radiallahuanhu menyusun semula undang-undang tanah negara ?
- A Memudahkan golongan atasan untuk memiliki tanah negara
 - B Mengelak berlakunya perbuatan negatif untuk memiliki tanah
 - C Memberi peluang kepada golongan miskin mendapat tanah negara
 - D Agar tanah yang dirampas mudah diagih kepada pembesar dan golongan miskin
- 15 Berikut perkara yang boleh membawa kepada *nusyuz* bagi isteri **kecuali**
- A enggan melayan suami di tempat tidur
 - B memaksa suami melakukan kerja-kerja rumah
 - C keluar rumah tanpa izin suami tanpa sebab yang munasabah
 - D membenarkan bapa mertua memasuki rumah tanpa pengetahuan suami
- 16 Berikut adalah bukti galakan khalifah untuk memajukan bidang sains dan teknologi pada zaman Abbasiyah **kecuali**
- A membina pusat penyelidikan sains
 - B melaksanakan aktiviti penterjemahan
 - C mengadakan seminar perubatan pada musim haji
 - D menyediakan peruntukan yang banyak dalam bidang sains dan teknologi
- 17 Kesan-kesan daripada pengamalan ajaran sesat ialah
- I akidah terbatal
 - II kehidupan menjadi pincang
 - III sentiasa didampingi masyarakat
 - IV ilmu yang diperolehi tidak berkat
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II,III dan IV
- 18 Faktor yang menyebabkan berlakunya kekufuran ialah
- A dipaksa oleh seseorang
 - B suka melakukan maksiat
 - C derhaka kepada ibu bapa
 - D ikutan amalan nenek moyang


- 19 Antara kelebihan bersifat amanah dalam perniagaan ialah
- A kedai dikunjungi ramai
 - B dapat menjalinkan hubungan silaturahim
 - C urusan jual beli dapat berjalan dengan baik
 - D mendapat keuntungan dan keberkatan daripada Allah SWT
- 20 Antara berikut yang manakah **bukan** bermaksud memelihara kehormatan diri bagi seorang isteri.
- A Menceritakan keaiban suami dan rahsia rumah tangga kepada jiran
 - B Menjaga akhlak, aurat dan berhias hanya untuk suami semata-mata
 - C Tidak membenarkan lelaki lain memasuki rumah semasa ketiadaan suami
 - D Sentiasa menjaga maruah dan kehormatan dengan tidak menimbulkan fitnah

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 Kitab pertama karangan Imam al-Syafie rahimahullah dalam bidang Usul Fiqh ialah

Soalan 22 hingga Soalan 23 berdasarkan rajah di bawah.
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- 22 **P** dalam rajah di atas ialah
- 23 **Q** dalam rajah di atas ialah
- 24 Mengingati Allah dengan hati, lisan dan perbuatan adalah maksud bagi
- 25 ialah talak tiga yang mengharamkan bekas suami mengahwini semula isterinya kecuali selepas isterinya berkahwin dengan lelaki lain dan diceraikan setelah berlaku persetubuhan.


Soalan 26 hingga Soalan 27 berdasarkan jadual di bawah.

Status isteri	Tempoh idah
Hamil	Hingga bersalin
Tidak hamil	Tiga kali suci
Belum disetubuhi	R
S	4 bulan 10 hari

- 26 **R** dalam jadual di atas ialah
- 27 **S** dalam jadual di atas ialah
- 28 “Aku terima nikah Fatimah binti Ahmad dengan maskahwin sebanyak RM22.50 tunai”, merupakan contoh lafaz
- 29 Hukuman bagi pesalah minum arak adalah sebatan sebanyak sebatan.

Soalan 30 hingga Soalan 31 berdasarkan rajah di bawah.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- 30 **T** dalam rajah di atas merujuk kepada
- 31 **U** dalam rajah di atas merujuk kepada
- 32 ialah perjanjian perkongsian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan antara dua pihak atau lebih.
- 33 Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia hanya meliputi bidang kuasa Mal dan bidang kuasa sahaja.

Soalan 34 hingga soalan 36 adalah berdasarkan pernyataan berikut:


Padankan sumber ekonomi Kerajaan Bani Umayyah berikut dengan hanya menulis abjad sahaja.

Sumber ekonomi Kerajaan Bani Umayyah		
A	B	C
Jizyah	Kharaj	Usyur

No. Soalan	Pengertian	Jawapan
34	Cukai tanah yang dikenakan ke atas pemilik sama ada Islam atau bukan Islam	
35	Cukai yang dikenakan sepuluh peratus daripada hasil pertanian	
36	Cukai yang dikenakan kepada orang kafir zimmi	

37 Imam al-Bukhari rahimahullah digelar sebagai oleh ahli Hadis.

38



V dalam rajah di atas ialah

39 ialah menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa mengemukakan empat orang saksi yang adil.

40

- Mengharuskan perkahwinan mut'ah
- Beramal dengan *taqiyyah*

Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan syiah

Bahagian B

[60 *markah*]

Jawab tiga soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

- 1 (a) Perbuatan syirik tidak akan diampunkan oleh Allah SWT.
- (i) Jelaskan maksud syirik. [2 *markah*]
 - (ii) Nyatakan jenis syirik berserta contoh. [4 *markah*]
 - (iii) Terangkan **dua** cara untuk membendung perbuatan syirik daripada berleluasa dalam masyarakat. [4 *markah*]
- (b) Kemunculan golongan Khawarij telah membawa perpecahan dalam kalangan umat Islam.
- (i) Siapakah golongan Khawarij. [2 *markah*]
 - (ii) Jelaskan **dua** pegangan golongan Khawarij. [4 *markah*]
 - (iii) Terangkan **dua** langkah untuk memelihara kesucian akidah umat Islam. [4 *markah*]
- 2 (a) Umat Islam diwajibkan menyembelih binatang sekiranya bertujuan memakan dagingnya.
- (i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 *markah*]
 - (ii) Jelaskan **dua** daripada syarat binatang sembelihan. [4 *markah*]
 - (iii) Huraikan **dua** perkara sunat semasa sembelihan. [4 *markah*]
- (b) Lian merupakan satu sumpah yang disyariatkan oleh syarak kepada suami dan isteri untuk menyelesaikan masalah rumah tangga mereka.
- (i) Jelaskan **dua** sebab berlakunya lian. [4 *markah*]
 - (ii) Huraikan **dua** implikasi lian terhadap suami isteri. [4 *markah*]
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan fasakh ? [2 *markah*]

- 3 (a) Pendidikan merupakan asas yang terpenting dalam pembinaan kerajaan Bani Abbasiah sejak permulaan penubuhannya.
- (i) Terangkan **dua** faktor perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman kerajaan Bani Abbasiah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan generasi muda hari ini. [4 markah]
- (b) Allah SWT mengurniakan akal kepada manusia supaya mereka berfikir.
- (i) Terangkan **dua** hikmah berfikir mengikut cara Islam. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** cara amalan berfikir yang tidak mengikut adab. [4 markah]
- (c) Ibnu Sina merupakan tokoh perubatan yang termasyhur di dunia dan hasil karyanya menjadi bahan rujukan sehingga kini.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau yang membawa kepada kejayaannya sebagai tokoh perubatan. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** pencapaian beliau dari aspek penemuan penyakit baru dan puncanya. [2 markah]
- 4 (a) Pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada kerajaan yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW.
- (i) Terangkan **dua** dasar pentadbiran Khulafa' al-Rasyidin. [4 markah]
- (ii) Sayidina Uthman bin Affan adalah Khulafa' al-Rasyidin yang ketiga. Nyatakan polisi-polisi pentadbiran beliau semasa menjadi khalifah. [2 markah]
- (ii) Huraikan dua kesan positif daripada kepimpinan Khulafa' Ar-Rasyidin dari sudut sosial. [4 markah]
- (b) Pencemaran alam di negara kita hari ini semakin membimbangkan pelbagai pihak.
- (i) Nyatakan bentuk-bentuk pencemaran yang sering berlaku dewasa ini. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** langkah berkesan untuk mengatasi pencemaran yang berlaku. [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** sifat peribadi Imam al-Ghazali rahimahullah yang boleh dicontohi oleh remaja masa kini. [4 markah]

. KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat sebelah
SULIT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____ TINGKATAN : _____

NO. KAD PENGENALAN

						-							
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-------|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 21 | _____ |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 22 | _____ |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 23 | _____ |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 24 | _____ |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 25 | _____ |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 26 | _____ |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 27 | _____ |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 28 | _____ |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 29 | _____ |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 30 | _____ |
| 11 | (A) | (B) | (C) | (D) | 31 | _____ |
| 12 | (A) | (B) | (C) | (D) | 32 | _____ |
| 13 | (A) | (B) | (C) | (D) | 33 | _____ |
| 14 | (A) | (B) | (C) | (D) | 34 | _____ |
| 15 | (A) | (B) | (C) | (D) | 35 | _____ |
| 16 | (A) | (B) | (C) | (D) | 36 | _____ |
| 17 | (A) | (B) | (C) | (D) | 37 | _____ |
| 18 | (A) | (B) | (C) | (D) | 38 | _____ |
| 19 | (A) | (B) | (C) | (D) | 39 | _____ |
| 20 | (A) | (B) | (C) | (D) | 40 | _____ |

Bahagian	Markah
A	
B	

Kod Pemeriksa

SULIT

1223/1(PP)

1223/1(PP)
Peraturan
Pemarkahan
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Ogos
2009



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini juga tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A
[40 markah]

- 1 A B C D
- 2 A B C D
- 3 A B C D
- 4 A B C D
- 5 A B C D
- 6 A B C D
- 7 A B C D
- 8 A B C D
- 9 A B C D
- 10 A B C D
- 11 A B C D
- 12 A B C D
- 13 A B C D
- 14 A B C D
- 15 A B C D
- 16 A B C D
- 17 A B C D
- 18 A B C D
- 19 A B C D
- 20 A B C D

- 21. al-Risalah
- 22. Penyusuan/Persemendaan
- 23. Persemendaan/Penyusuan
- 24. Zikrullah
- 25. Bain kubra
- 26. Tiada Idah
- 27. Isteri kematian suami/bercerai mati
- 28. Qabul
- 29. 40 kali
- 30. Penyewa & pemberi sewa/manfaat
- 31. Manfaat/penyewa & pemberi sewa
- 32. Syarikat
- 33. Jenayah
- 34. B (Kharaj)
- 35. C (Usyur)
- 36. A (Jizyah)
- 37. Amirul mukminin
- 38. Pasif
- 39. Qazaf
- 40. Imamah

Bahagian B
[60 markah]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
1.(a).i	<i>Maksud syirik :</i> <ul style="list-style-type: none">• Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'alnya.	[1 x 2m = 2m]
ii	<i>Dua jenis syirik berserta contoh :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Syirik Jali : Syirik yang dapat dilihat secara terang-terangan. <i>Contoh : sujud menyembah berhala</i>2. Syirik Khafi : Tidak meletakkan Allah SWT sebagai yang mutlak dalam niat. <i>Contoh : riak, ujub dan takabbur</i>	[2 x 2m = 4m]
iii	<i>Dua cara membendung perbuatan syirik daripada berleluasa dalam masyarakat :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Memberi pendidikan Islam secara meluas kepada semua peringkat umur.2. Penguatkuasaan undang-undang terhadap pengamalnya.3. Mengadakan kempen / ceramah / poster tentang bahaya perbuatan tersebut.4. Menghapuskan tempat-tempat pemujaan	[2 x 2m = 4m]
(b) i	<i>Maksud Khawarij :</i> <ul style="list-style-type: none">• Golongan penyokong Sayidina Ali yang berjuang menentang Muawiyah tetapi tidak menerima majlis Tahkim.	[1 x 2m = 2m]
ii	<i>Pegangan Golongan Khawarij :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir2. Mengkafirkan serta menghalalkan darah semua umat Islam yang berbeza iktikad dengan mereka3. Membataskan sumber syariat hanya kepada al-Quran sahaja.	[2 x 2m = 4m]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
iii	<i>Langkah memelihara kesucian akidah umat Islam :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Mempelajari asas akidah berdasarkan kitab ahli sunnah waljamaah yang muktabar.2. Belajar daripada guru yang diiktiraf keilmuannya dalam bidang akidah3. Membina ketahanan akidah dengan doa4. Menjauhkan diri daripada orang yang mengamalkan ajaran sesat5. Menunaikan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya.	[2 x 2m = 4m]

2.(a) i	<p><i>Maksud sembelihan :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan(1m) / dengan cara memutuskan urat halkum dan urat mari' dengan menggunakan alat yang tajam dengan niat kerana Allah. (1m) 	[2 x 1m = 2m]
ii	<p><i>Syarat binatang sembelihan :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Halal dimakan 2. Mati dengan sekali sembelihan 3. Putus urat halkum dan urat mari' 	[2 x 2m = 4m]
iii	<p><i>Perkara sunat semasa sembelihan :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyebut nama Allah seperti lafaz basmalah / berselawat ke atas nabi Muhammad 2. Menyembelih bahagian pangkal leher 3. Menghadapkan binatang ke arah kiblat 4. Menggunakan alat sembelihan yang tajam 5. Melakukan sembelihan di siang hari 	[2 x 2m = 4m]
(b) i	<p><i>Sebab berlaku lian :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Suami menuduh isterinya berzina tanpa membawa empat orang saksi 2. Suami menafikan nasab anak yang dilahirkan. 	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Implikasi lian :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Suami isteri terpisah selepas sumpah lian 2. Suami isteri tidak boleh berkahwin semula buat selama-lamanya. 3. Suami yang membuat tuduhan akan terlepas daripada hukuman qazaf 4. Isteri akan direjam dengan batu sampai mati jika tidak menolak tuduhan dengan sumpah lian 5. Isteri tidak akan dapat apa-apa nafkah daripada suaminya. 6. Anak yang dinafikan dalam sumpah lian ternafi nasabnya daripada suami yang bersumpah. 7. Suami isteri tidak boleh mewarisi harta pusaka 	[2 x 2m = 4m]

SULIT

6

1223/1 (PP)

c	<p><i>Maksud Fasakh :</i></p> <ul style="list-style-type: none">• Pembatalan ikatan perkahwinan(1m) / disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi semasa akad nikah atau disebabkan oleh masalah yang berlaku dalam rumah tangga.(1m)	<p>[2 x 1m = 2m]</p>
---	--	-------------------------------

3 (a) i	<p><i>Dua faktor perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah :</i></p> <ol style="list-style-type: none">1. Kreativiti para ulamak2. Usaha dan galakan para khalifah3. Aktiviti penterjemahan pelbagai ilmu.4. Kestabilan politik dan kewangan kerajaan Abbasiyah5. Dasar kerajaan yang memberi keutamaan kepada ilmu pengetahuan6. Islam menggalakkan umatnya supaya mengkaji alam sekitar7. Hubungan diplomatik antara kerajaan Abbasiyah dengan negara luar8. Kedudukan Baghdad yang strategic	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Dua kepentingan penguasaan ilmu pengetahuan :</i></p> <ol style="list-style-type: none">1. Melahirkan generasi muda yang berwawasan2. Melahirkan generasi yang berilmu dalam pelbagai bidang3. Melahirkan generasi muda yang berdaya saing4. Menghasilkan banyak ciptaan baru dan canggih	[2 x 2m = 4m]
(b) i	<p><i>Dua faedah berfikir mengikut cara Islam :</i></p> <ol style="list-style-type: none">1. Memantapkan iman seseorang2. Menyedari kekuasaan dan keesaan Allah3. Dihormati dan disanjung oleh masyarakat4. Proaktif dan berdaya maju5. Boleh menyelesaikan masalah dengan cepat dan berkesan6. Dapat menceburi bidang-bidang baru yang bermanfaat7. Dapat menghindarkan daripada unsur khurafat yang merosakkan akidah.8. Dapat menghindarkan unsur negatif yang mengancam keamanan negara	[2 x 2m = 4m]

ii	Dua cara amalan berfikir yang tidak mengikut adab : <ol style="list-style-type: none">1. Berfikir berdasarkan hawa nafsu2. Berfikir mengikut akal fikiran tidak waras3. Berfikir tanpa bukti-bukti kajian saintifik4. Berfikir dengan menggunakan maklumat dan fakta yang salah dan tidak tepat.5. Berfikir tanpa matlamat yang jelas	[2 x 2m = 4m]
(c) i	<i>Dua sifat peribadi :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Tekun mempelajari ilmu2. Taat pada agama3. Berinovatif4. Pintar	[2 x 1m = 2m]
ii	<i>Dua pencapaian :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Pengaruh kuman dan penyakit2. Mengesan penyakit seperti rubella, alahan dan cacar3. Jangkitan virus seperti tibi	[2 x 1m = 2m]

4 (a) i	<p><i>Dua dasar pentadbiran Khulafa al Rasyidin :</i></p> <ol style="list-style-type: none">1. Undang-undang perlembagaan negara berdasarkan al-Quran dan al-Hadis2. Khalifah mempunyai kuasa membuat keputusan berdasarkan ahli Majlis Syura3. Pemimpin bertanggungjawab menegakkan kebenaran4. Khalifah adalah ketua negara5. Pemimpin tidak mendapat hak keistimewaan6. Perlantikan pegawai-pegawai berdasarkan kecekapan7. Pemimpin dan rakyat sama-sama bertanggungjawab membangunkan negara8. Rakyat wajib mentaati pemerintah yang taat kepada syariat.9. Rakyat boleh memberi pandangan dan teguran kepada pemimpin.	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Polisi Sayidina Uthman b Affan</i></p> <ol style="list-style-type: none">1. Membuka peluang kepada orang Islam yang ingin berjihad untuk menyebarkan Islam.2. Para sahabat telah dibenarkan keluar atau meninggalkan Kota Madinah.3. Melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal4. Menetapkan bahawa al-Quran hendaklah dibaca dalam lahjah Quraisy5. Ramai gabenor yang dilantik dikalangan Bani Umaiyah tetapi berdasarkan kelayakan.	[2 x 1m = 2m]
iii	<p><i>Kesan positif kepimpinan Khulafa al Rasyidin dari sudut sosial:</i></p> <ol style="list-style-type: none">1. Ilmu pengetahuan diberi perhatian yang penting sama ada ilmu aqli dan naqli2. Rakyat diberi layanan yang sama rata3. Kebajikan rakyat diberi keutamaan terutama golongan fakir dan miskin.	[2 x 2m = 4m]
(b) i	<p><i>Bentuk pencemaran :</i></p> <ol style="list-style-type: none">1. Pencemaran udara2. Pencemaran air3. Pencemaran tanah4. Pencemaran bunyi	[2 x 1m = 2m]

ii	<i>Langkah mengatasi :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Mengadakan kempen menjaga alam sekitar2. Mewujudkan pasukan pemantau alam sekitar3. Menkuatkuasakan undang-undang4. Mengadakan dan mewujudkan lebih banyak pusat kitar semula5. Menyediakan kemudahan secukupnya untuk kegunaan orang ramai	[2 x 2 m = 4m]
c.	<i>Dua sifat peribadi Imam al-Ghazali rahimahullah :</i> <ol style="list-style-type: none">1. Bersungguh-sungguh menuntut ilmu2. Benci kepura-puraan3. Berpegang teguh kepada syariat Allah SWT4. Berani mempertahankan pendapat yang benar5. Menyampaikan ilmu yang dipelajari kepada orang lain6. Berhati-hati mengeluarkan pendapat.	[2 x 2m = 4m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SULIT

1223/2

NAMA:..... Tingkatan :.....

SULIT

1223/2

Pendidikan Islam

Kertas 2

Ogos

2009

1 $\frac{2}{3}$ jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

Satu jam empat puluh minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Soalan hendaklah dijawab pada kertas jawapan yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Jawab semua soalan


1 (a) Firman Allah SWT :



Ayat di atas menerangkan peraturan dalam menjaga maruah diri.

- (i) Nyatakan **dua** adab memakai perhiasan diri sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh berpakaian yang menepati hukum syarak. [2 markah]
- (iii) Islam sangat menitikberatkan adab berpakaian. Berikan pandangan anda. [2 markah]


(b) Sabda Rasulullah SAW :



Hadis di atas menerangkan kepentingan menjaga adab ketika berdoa.

- (i) Terangkan **dua** adab berdoa supaya dimakbulkan oleh Allah SWT. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** waktu yang mustajab untuk berdoa. [2 markah]
- (iii) Berikan maksud potongan hadis berikut:
 “ **أَقْرَبُ مَا يَسْمَعُ اللَّهُ صَوْتَهُ** ” [2 markah]


[Lihat sebelah
SULIT]



Ayat di atas menjelaskan Allah SWT berkuasa memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendakiNya.

- (i) Berikan pengertian hidayah. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** cara untuk memperoleh hidayah Allah SWT. [4 markah]
- (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda melihat kepentingan hidayah dalam kehidupan seharian? [2 markah]


(b) Sabda Rasulullah SAW :



Hadis di atas menerangkan kepentingan mendekati diri kepada Allah SWT dengan melakukan ibadat nawafil.

- (i) Nyatakan maksud ibadat nawafil berserta dengan contoh. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kelebihan orang yang melakukan ibadat nawafil. [4 markah]
- (iii) Apakah ciri-ciri orang yang soleh selain daripada banyak melakukan ibadat nawafil? [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :



Hadis di atas menjelaskan bahawa masa yang berlalu tidak akan kembali lagi dan terbuang begitu sahaja jika tidak diuruskan dengan baik.

Berdasarkan hadis di atas ;

- (i) Apakah akibat mengabaikan pengurusan masa secara efektif? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang sering diamalkan oleh pelajar yang tidak bijak menguruskan masa. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]


(c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam surah al-An'am, ayat 163.

A	B	C	D

- (i)
 -
- (ii)
 -
- (iii)
 -
- (iv)
 -

[4 markah]


4 (a) Firman Allah SWT :



Ayat di atas menerangkan manusia bertanggungjawab terhadap semua perbuatan yang dilakukan dan mempunyai tugas sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi.

- (i) Nyatakan tanggungjawab manusia dari aspek **al-khilafah**. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sebab manusia bertanggungjawab terhadap semua perbuatannya. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **tiga** hikmah Allah SWT menguji manusia dengan penderitaan. [6 markah]

(b) Firman Allah SWT :



Berdasarkan ayat di atas, tulis satu contoh bagi setiap hukum tajwid berikut ;

- (i) Ikhfa' Hakiki
- (ii) Mad Jaiz Munfasil
- (iii) Idgham Ma'al Ghunnah
- (iv) Wajibu'l Ghunnah


[4 markah]

(c) Tulis semula perkataan berikut ke dalam tulisan jawi ;

- (i) Aktiviti rekreasi
- (ii) Pengakuan syahadah
- (iii) Keupayaan ekonomi
- (iv) Pengukuhan jiwa

[4 markah]


5 (a) Firman Allah SWT :



Ayat di atas menyatakan antara ciri orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT ialah sujud kepadaNya.

- (i) Nyatakan **empat** ciri lain orang yang beriman kepada Allah SWT. [4 markah]
- (ii) Apakah kelebihan orang yang beriman kepada Allah SWT? [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** keburukan orang yang tidak beriman kepada Allah SWT. [4 markah]

(b) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris.



[4 markah]

(c) Tulis semula pernyataan ayat di bawah ke dalam tulisan jawi.

- (i) Bekerjasama menangani gejala sosial dalam masyarakat.
- (ii) Hendaklah mengamalkan sikap adil terhadap rakyat.
- (iii) Selalu menunaikan solat tepat pada waktunya.

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

SULIT

1223/2(PP)

1223/2(PP)
Peraturan
Pemarkahan
Pendidikan
Islam
Kertas 2
Ogos
2009



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **8** halaman bercetak

1223/2(PP) © 2009 Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh

[Lihat sebelah
SULIT]

Soalan	Jawapan	Markah
1(a)(i)	<p><i>Adab memakai perhiasan diri :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. tidak berhias secara keterlaluan 2. tidak memakai perhiasan terlalu banyak dengan niat menunjuk-nunjuk 3. berniat untuk menzahirkan dan mensyukuri nikmat Allah 	[2 x 2m =4m]
(ii)	<p><i>Dua contoh berpakaian yang menepati syarak :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menutup aurat 2. tidak ketat sehingga menampakkan bentuk badan 3. tidak nipis sehingga menampakkan kulit 4. bukan pakaian keagamaan agama lain 5. tidak berlainan jantina 6. diperbuat daripada bahan yang halal dipakai 	[2 x 1m =2m]
(iii)	<p><i>Sebab Islam menitikberatkan adab dalam berpakaian :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. mengelakkan berlaku kes sumbang mahram/ rogol 2. bersyukur dengan nikmat Allah SWT 3. mengenal wanita yang beriman 	[1 x 2m =2m]
(b)(i)	<p><i>Dua adab berdoa yang baik :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. suara yang perlahan 2. dengan penuh pengharapan 3. yakin Allah SWT akan makbulkan 	[2 x 2m =4m]
(ii)	<p><i>Dua waktu mustajab untuk berdoa :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. dua pertiga malam 2. hujan lebat 3. hari dan malam Jumaat 4. antara azan dan iqamah 	[2 x 1m = 2m]
(iii)	<p><i>Maksud potongan hadis :</i></p> <p>“Dan makanannya haram (1m) / dan minumannya haram” (1m)</p>	[2 x 1m = 2m]
(c)	<p><i>Melengkapkan potongan ayat :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> (i) B (ii) D (iii) A (iv) C 	[4 x 1m = 4m]

SULIT

3

1223/2(PP)

Soalan	Jawapan	Markah
2(a)(i)	<i>Pengertian hidayah :</i> cahaya petunjuk yang diberikan oleh Allah SWT kepada sesiapa yang dikehendakiNya(1m)/untuk membimbingnya ke jalan yang benar.(1m)	[2 x 1m = 2m]
(ii)	<i>Dua cara untuk memperoleh hidayah Allah SWT :</i> 1. menghayati perintah agama 2. berakhlak mulia 3. sentiasa melakukan amal kebaikan 4. ikhlas dalam setiap perbuatan 5. mendekati diri kepada Allah SWT 6. menjauhi perkara-perkara mungkar 7. berdoa kepada Allah SWT	[2 x 2m = 4m]
(iii)	<i>Pelajar melihat kepentingan hidayah dalam kehidupan :</i> 1. benteng iman / mencegah seseorang daripada syirik 2. membawa kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat 3. jiwa menjadi tenang 4. terdorong ke arah kebaikan 5. sabar menghadapi dugaan dalam hidup 6. benci kepada maksiat dan kemungkaran	[1 x 2m = 2m]
(b)(i)	<i>Maksud ibadat nawafil :</i> amalan-amalan sunat(1m)/ seperti solat dhuha(1m)	[2 x 1m = 2m]
(ii)	<i>Dua kelebihan orang yang melakukan ibadah nawafil :</i> 1. Allah SWT dan Rasul menyayanginya 2. Allah SWT memberkati hidupnya 3. Allah SWT memakbulkan doanya 4. Allah SWT melindunginya daripada keburukan 5. Allah SWT memberi ganjaran pahala dan syurga 6. Allah SWT mmemelihara anggotanya daripada melakukan perkara maksiat. 7. mengecapi nikmat beribadat.	[2 x 2m = 4m]
(iii)	<i>Ciri-ciri orang yang soleh:</i> 1. Berilmu pengetahuan tinggi 2. Beramal dengan ilmu yang dimiliki 3. Memiliki sifat-sifat terpuji	[2 x 1m = 2m]

SULIT

4

1223/2(PP)

Soalan	Jawapan	Markah
(c)	<p><i>Susun semula ayat al-Quran berikut mengikut tertib :</i></p> <p>2, 3,1,4 atau 2 atau (1) - 3 3 (2) - 1 1 (3) - 2 4 (4) - 4</p>	<ul style="list-style-type: none">- Betul yang pertama dikira satu markah.- Salah yang pertama tiada markah.- Tulis ayat diterima <p>[4 x 1m = 4m]</p>





Soalan	Jawapan	Markah
3(a)(i)	<i>Maksud potongan ayat :</i> “ supaya mereka memikirkannya ”	[1 x 2m = 2m]
(ii)	<i>Dua bukti al-Quran mukjizat teragung :</i> 1. bahasa al-Quran sangat indah sehingga tidak boleh ditandingi 2. sesuai sepanjang zaman sehingga hari kiamat 3. ayat al-Quran diakui penawar pelbagai penyakit/dapat menenangkan hati. 4. kandungan al-Quran lengkap meliputi semua aspek kehidupan. 5. ajaran yang terkandung dalam al-Quran sesuai dengan fitrah manusia. 6. setiap ayat al-Quran tidak jemu didengar/dibaca 7. ajarannya sesuai dilaksanakan untuk semua bangsa, tempat dan masa. 8. terpelihara daripada sebarang perubahan dan penyelewengan hingga hari kiamat. 9. al-Quran kekal sehingga hari kiamat. 10. tidak ada makhluk yang dapat menandingi keindahan bahasanya. 11. membimbing manusia menuju kebahagiaan di dunia dan akhirat. 12. setiap huruf yang dibaca dikira satu ibadat dan diberi pahala. 13. memberi syafaat di akhirat. 14. sebagai panduan/rujukan/memberi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. 15. menceritakan tentang samiyat.	[2 x 2m = 4m]
(iii)	<i>Pelajar menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian :</i> 1. istiqamah membaca al-Quran 2. memahami kandungannya 3. menghayati kandungannya dalam kehidupan seharian 4. membaca al-quran secara bertajwid dan bertarannum	[1 x 2m = 2m]

SULIT

6

1223/2(PP)

Soalan	Jawapan	Markah
(b)(i)	<i>Akibat tidak menguruskan masa secara efektif :</i> 1. Kerja banyak tertangguh 2. Hasil yang tidak berkualiti 3. Matlamat tidak tercapai	[1 x 2m = 2m]
(ii)	<i>Dua contoh pelajar yang tidak pandai mengurus masa :</i> 1. suka menangguhkan kerja 2. tidak mematuhi jadual waktu yang ditetapkan 3. menghabiskan masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah	[2 x 1m = 2m]
(iii)	<i>Dua pengajaran hadis dalam kehidupan seharian :</i> 1. Kita hendaklah menggunakan masa dengan bijak. 2. Kita hendaklah menghargai masa dengan melakukan perkara yang berfaedah. 3. Islam melarang kita menangguh-nangguhkan urusan kehidupan 4. Kita hendaklah menggunakan tempoh kehidupan di dunia sebaik mungkin	[2 x 2m = 4 m]
(c)	<i>Melengkapkan potongan ayat :</i> (i) B (ii) C (iii) D (iv) A	[4 x 1m = 4m]

Soalan	Jawapan	Markah
4(a) (i)	<i>Tanggungjawab manusia dari aspek al-khilafah :</i> membina kekuasaan di muka bumi berlandaskan hukum dan syariat Islam	[1 x 2m = 2m]
(ii)	<i>Dua sebab manusia bertanggungjawab terhadap semua perbuatannya :</i> 1. kerana manusia tidak boleh menanggung dosa orang lain 2. kerana setiap manusia diberi ganjaran berdasarkan amalan masing-masing. 3. kerana menunjukkan Allah itu Maha Adil dan Maha Penyayang	[2 x 2m = 4m]
(iii)	<i>Tiga hikmah Allah SWT menguji manusia dengan penderitaan :</i> 1. menguji keimanan/kesabaran/ketaatan 2. sentiasa mengingati Allah/tidak leka/sentiasa melakukan ibadat 3. meningkatkan darjat/rajin berusaha 4. melahirkan manusia yang redha 5. sebagai kifarrah dosa 6. supaya bertaubat	[3 x 2m = 6m]
(b)	<i>Hukum tajwid ;</i> (i) Ikhfa' Hakiki -  (ii) Mad Jaiz Munfasil -  (iii) Idgham Maal Ghunnah -  (iv) Wajibul Ghunnah - 	[4 x 1m = 4m]
(c)	<i>Menjawikan perkataan :</i> (i) Aktiviti rekreasi : اکتیویتی ریکریاسی (ii) Pengakuan syahadah : فغاکوان شهادة (iii) Keupayaan ekonomi : کأوفایاءن ایکنونومی (iv) Pengukuhan jiwa : فغوکوهن جیوا	Salah 3 huruf = 0 [4 x 1m = 4m]

Soalan	Jawapan	Markah
5(a)(i)	<p><i>Empat ciri orang beriman selain sujud kepada Allah SWT :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. sentiasa mengingati Allah SWT 2. tidak bersikap sombong dan takbur 3. melazimi qiamullail 4. menginfakkan harta pada jalan Allah SWT 5. redha dengan ujian Allah 6. istiqamah membaca al-Quran 	[4 x 1m = 4m]
(ii)	<p><i>Kelebihan orang yang beriman kepada Allah SWT :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memperolehi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat 2. terhindar daripada perbuatan mungkar 3. mendapat kedudukan yang baik di sisi Allah SWT 4. sentiasa tenang menghadapi ujian 	[1 x 2m = 2m]
(iii)	<p><i>Dua keburukan orang yang tidak beriman kepada Allah SWT :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. mendapat kesusahan dalam hidup 2. jiwa dan perasan sentiasa gelisah 3. mudah berputus asa dan kecewa 4. terdorong melakukan perkara maksiat 	[2 x 2m = 4m]
(b)	<p><i>Hukum tajwid kalimah bergaris :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> (i) Qalqalah Kubro (ii) Izhar Syafawi (iii) Mad Wajib Muttasil (iv) Mad Aridh Lissukun 	[4 x 1m = 4m]
(c)	<ol style="list-style-type: none"> (i) بكر جاسام مناغني ضجالا / سوسيال دالم مشاركت (ii) هندقله مغلمكن سيكف / عاديل ترهادف رعيت (iii) سلالو منونايكن صلاة / تفت فد وقتوث 	<p>- Setiap potongan 1m - Salah 1 perkataan 1m - Salah 2 perkataan 0 [6m]</p>

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT